



Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.40 (25)

Tarikh: 08 September 2012

SIARAN MEDIA

FLAT KOS RENDAH LOBAK SEREMBAN DIBAIKI PULIH DALAM PROGRAM *NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY 7 (NBOS7) MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD*

Seremban, 8 September 2012 – Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merasmikan projek baik pulih kedua dalam program ***NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY 7 (NBOS7) MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD*** atau Kejiranan Indah pada hari ini. Projek perintis NBOS 7 adalah di Taman Setia Jaya, Alor Setar yang telah dilancarkan pada 28 Julai lalu. Bagi NBOS 7 di Labu ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN). Projek naik taraf Flat Kos Rendah Lobak ini melibatkan 13 Blok dan dianggarkan kerja-kerja naik taraf dan baik pulih ini menelan belanja RM1.2 juta di mana kerja-kerja baik pulih utama adalah seperti mengecat semula, lanskap, penukaran atap dan pembaikan longkang.

Di bawah Program NBOS 7 ini kawasan perumahan yang terpilih akan dinaik taraf meliputi 4 aspek utama seperti berikut:

1. Program menambah baik atau membaik pulih kawasan perumahan yang dimiliki oleh penduduk berpendapatan rendah;
2. Program pembinaan semula buah rumah terbakar;
3. Program peningkatan rondaan keselamatan (*security patrolling*) di stesen LRT dan pusat membeli belah bagi menangani jenayah; dan
4. Program kebersihan, pengindahan dan penyelenggaraan kemudahan awam.

Di bawah 4 aspek utama ini, Flat kos rendah Labu ini akan dinaif taraf seperti berikut:

a. Membaiki prasarana dan kemudahan awam

- Naik taraf dan pemasangan lampu jalan
- Penyelenggaraan bangunan, mengecat, membaiki bumbung tangki air dan pili bomba (hydrant)
- Mengecat semula bahu jalan dan tempat letak kereta
- Membaiki dan membersihkan sistem perparitan
- Pembersihan dan meningkatkan kekerapan kutipan sampah
- Naik taraf lanskap, taman permainan kanak-kanak dan padang futsal

b. Keselamatan dan pencegahan jenayah

- Omnipresence, *4 man patrolling* oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- Pemasangan papan tanda PDRM dan tempat letak motosikal berkunci di bawah Program Bandar Selamat.
- Penubuhan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) oleh Penduduk Flat Kos Rendah Labu

c. Penglibatan sosial

- Kempen Keselamatan dan Kesedaran Kebersihan

Selain daripada Flat Kos Rendah Lobak dan Taman Setia Jaya, projek NBOS 7 juga akan diperluaskan di 4 kawasan lain iaitu :

- a) Seberang Terus, Alor Setar
- b) Simpang Kuala, Alor Setar
- c) Taman Harmoni (Buntong), Ipoh Perak
- d) Larkin, Johor Bahru.

Projek NBOS7 Kejiranan Indah ini merupakan salah sebuah inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat dengan projekprojek atau idea-idea yang kreatif melalui kesepakatan antara pelbagai kementerian, jabatan atau agensi Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta pihak swasta. Projek-projek dilaksanakan

dengan segera dalam masa 2 hingga 3 bulan, berimpak tinggi, dan kos perbelanjaan bagi projek ini ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
e-mail : pro@kpkt.gov.my